

# Kuan Yew digesa hentikan tohmahan

UM - 28/9/2006

KUALA LUMPUR 25 Sept. - Pergerakan Pemuda UMNO Johor mahu bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew menghentikan segera segala tohmahan yang tidak berasas terhadap setiap perkara berkaitan negara ini.

Ketuanya, Razali Ibrahim berkata, Kuan Yew perlu mengambil perhatian serius terhadap saranan tersebut kerana ia boleh memberi kesan negatif ke atas hubungan antara kedua-dua negara sekiranya sikap seperti itu diteruskan.

Beliau berkata, selain itu ia juga boleh mengelakkan sebarang tindakan berbentuk provokatif yang mungkin boleh berlaku di kalangan rakyat negara ini.

"Jika ini terjadi, Kuan Yew perlu dipertanggungjawabkan sepenuhnya kerana beliau adalah yang menjadi punca timbulnya masalah ini. Dalam hal ini Kuan Yew lebih baik diam daripada terus bercakap," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Semalam, UMNO Johor mahu sebarang projek yang lebih menguntungkan Singapura daripada rakyat negara ini dibatalkan, termasuk projek kereta api laju Kuala Lumpur ke republik itu.

Jumaat lalu, Kuan Yew semasa mesyuarat Bank Dunia-Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) di republik itu mendakwa bahawa orang Cina di Malaysia

dan Indonesia dipinggirkan secara sistematik.

Dalam pada itu Razali berkata, Kuan Yew sebenarnya melahirkan kekecewaan dan kegagalan silam beliau. "Kenyataannya akan menghukum generasi akan datang," katanya.

Beliau turut mengingatkan Kuan Yew agar tidak menyamakan rakyat Malaysia seperti rakyat Singapura yang boleh 'diprogramkan'.

Dalam hubungan ini, Razali berkata, telah tiba masanya negara melaksanakan apa jua jenis peraturan ke atas rakyat negara itu yang selama ini tertangguh.

Antaranya kata beliau, seperti mengena-

kan caj kepada kenderaan negara itu yang masuk ke negara ini.

"Ini bukan soal kita hendak membalas tindakan Kuan Yew tetapi lebih merupakan tanda ketegasan terhadap kerajaan Singapura," ujarinya.

Dalam perkembangan sama Razali berkata, sejak dahulu lagi khususnya Kuan Yew sukar mengakui kaitan republik itu dengan Malaysia.

"Mereka seboleh-bolehnya enggan mengaitkan Singapura dengan Malaysia walaupun sejarah ada mencatatkan bahawa Singapura pada satu masa dahulu adalah sebahagian daripada Malaysia," tambahnya.